




ARUS SAWIT SDN. BHD.

POLISI HAK ASASI MANUSIA

Arus Sawit Sdn. Bhd. berkomited dalam menjaga, melindungi dan menyokong hak-hak asasi manusia demi kebaikan pekerja yang berkhidmat di syarikat ini. Hak-hak asasi manusia sangat berkait rapat dengan maruah manusia yang mana manusia mempunyai kebebasan dan hak yang sama rata tanpa mengira agama, bangsa, warna kulit, status, bahasa, keturunan dan lain-lain. Polisi ini menyediakan prinsip-prinsip yang perlu dipatuhi untuk pegawai, penyelia, pekerja dan mana-mana pihak yang terkesan dengan aktiviti ASSB seperti berikut:

1. Saling hormat-menghormati antara satu sama lain demi menjaga kesejahteraan bersama. Sebarang bentuk diskriminasi, penderaan, penyalahgunaan dan ugutan atas sebab hal peribadi seperti agama, bangsa, bahasa, keturunan, umur, status, pangkat, ketidakupayaan dan kriteria yang lain adalah dilarang di ASSB.
2. Tidak mengambil pekerja dibawah umur 18 tahun.
3. Tidak memaksa pekerja bertugas sekiranya individu tersebut tidak menawarkan diri secara sukarela.
4. Setiap pegawai mahupun penyelia hendaklah menerangkan undang-undang gaji termasuk gaji minimum, kerja lebih masa dan potongan gaji kepada pekerja.
5. Sekiranya terdapat aduan yang memberi kesan kepada hak-hak asasi manusia, perbincangan akan dibuat secara jujur dan telus. Jika terdapat bukti-bukti yang menunjukkan individu mengganggu hak tersebut, pihak ASSB berusaha menyelesaikan perkara tersebut dan mengambil tindakan tegas kepada pelaku.
6. Arus Sawit menyediakan tempat kerja yang selamat dan produktif untuk pekerja dan pihak berkepentingan dengan mengurangkan risiko kesihatan, meningkatkan keselamatan dan persekitaran yang selesa.



DR. LAWRENCE CHU

Pengarah. Arus Sawit Sdn. Bhd.